Sepintas Lalu

# Kolej Sunway pelawa mahasiswa

SUBANG: Kolej Sunway mempelawa mahasiswa tempatan menyertai sesi perbincangan mengenai peluang pembelajaran di Amerika Syarikat dan Universiti Harvard, di kolej itu, esok.



Janet Irons

Perbincangan bertajuk 'Pendidikan Ijazah di Amerika Syarikat' bermula jam 8.15 malam itu akan disampaikan Pengarah Bersekutu Bantuan Kewangan dan Pegawai Kanan Kemasukan Harvard serta Kolej Radcliffe, Janet Irons.

Menurut kenyataannya, kehadiran Irons yang ditaja Kelab Harvard Malaysia, kini dalam lawatan mempromosikan Harvard dan Kolej Radcliffe yang terkenal dalam pengajian seni liberal.

**This material may be protected by the Malaysia Copyright Act. It may only be used for private study or research.
Downloading or reproduction in excess of "fair dealing" may constitute copyright infringement.**